

29/10/2003

Tidak adil bandingkan Pak Lah dengan Dr M

Rejal Arbee

SUDAH banyak diperkatakan mengenai sumbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada negara dan bangsa menjelang pesaraannya pada Jumaat ini. Daripada sekian banyak ucapan dan perutusan yang disampaikan melalui pelbagai cara jelas sekali jasa dan sumbangannya itu tidak ternilai. Terlalu banyak yang telah dicurahkan kepada negara dan bangsa hingga tidak tersenaraikan. Semakin dekat hari keramat itu semakin terasa pula negara akan merindui `kehilangannya'.

Reaksi spontan rakyat terhadapnya berikutan pengumuman mengejutnya pada

Perhimpunan Agung Umno tahun lalu menunjukkan betapa beratnya bagi kebanyakan rakyat melepaskan beliau.

Ia juga mengukuhkan kebenaran keputusan beliau untuk mengundur diri ketika sedang berada di puncak popularitinya. Benar sekali kata pujangga bahawa seseorang pemimpin itu tidak harus melangkaui batas kehendak orang

ramai. Telah banyak berlaku di dunia di mana pemimpin yang memikirkan dia

populer dan mahu terus berkuasa akhirnya menghadapi pemberontakan dan digulingkan.

Ramai mengagumi keupayaan Dr Mahathir dan reaksi spontan begini mungkin

juga kerana menyedari bahawa usianya yang sudah mencecah 77 tahun bukanlah

penghalang untuknya terus memegang tampuk kerajaan.

Pandangan mereka adalah beliau masih bertenaga untuk meneruskan khidmat.

Apa tidaknya kalau dilihat dari jadualnya yang begitu padat sekali lebih-

lebih lagi dalam tempoh sebulan dua ini menjelang pengundurannya. Tetapi beliau sememangnya diketahui sering menetapkan program yang penuh baik pada waktu kerjanya di pejabat lebih-lebih lagi ketika membuat lawatan baik di dalam mahu pun ke luar negara.

Jadual padat begini sudah menjadi lumrah kepadanya sejak menjadi Timbalan Perdana Menteri lagi pada 1976. Wartawan yang mengikutnya untuk membuat liputan lebih-lebih lagi di luar negara sentiasa terpaksa berkejaran untuk mengikut jejaknya kerana jadualnya yang sentiasa penuh tanpa ada masa rehat.

Waktu makan pun - baik sarapan, makan tengah hari dan malam dijadikan waktu perjumpaan. Mereka yang separuh umurnya pun pernah merungut mengenai

kepadatan jadual beliau hingga terpaksa berbahagi tugas antara mereka untuk tidak ketinggalan dalam sesuatu perjumpaan atau mesyuarat.

Apa yang mengagumkan ialah beliau sentiasa kelihatan segar, cergas dan ceria walaupun setelah melalui perjalanan berjam-jam dalam pesawat dan boleh pula terus memulakan tugas tanpa mengalami keletihan jet-lag.

Tentunya selepas Jumaat ini rakyat akan amat merasakan ketiadaannya sebagai pemimpin negara lebih-lebih lagi remaja kerana mereka yang berusia

22 tahun ke bawah tidak pernah kenal Perdana Menteri selain Dr Mahathir. Mereka ini tentunya akan amat merasai ketiadaan pimpinan.

Walau sudah banyak diperkatakan mengenai jasa dan sumbangannya mungkin ramai juga tidak menyedari sifat rendah diri beliau. Itulah walaupun sudah

22 tahun menjadi PM ditambah lima tahun sebagai Timbalan Perdana Menteri tidak ada satu pun mercu tanda, bangunan, sekolah, jalan raya dan sebagainya diberikan namanya.

Ini kerana beliau sendiri pernah mengeluarkan arahan menghalang penggunaan namanya selagi beliau masih bertugas. Beliau sendiri mengulas kebanjiran perutusan yang diberikan secara tidak henti-henti sejak beberapa minggu kebelakangan ini supaya jangan keterlaluan dalam memberikan sanjungan kepadanya. Beliau takut dirinya didewa-dewakan pula.

Bagi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih pucuk pimpinan negara, beliau tentunya akan merasai bebanan tanggungjawab itu kerana begitu besar sekali jasa Dr Mahathir kepada negara. Berkat sokongan ramai tidak syak lagi beliau akan dapat memikul tanggungjawab itu dengan jayanya.

Tetapi adalah tidak adil untuk terus membandingkan khidmat beliau dengan pencapaian Dr Mahathir. Beliau harus diberi masa untuk meninggalkan kesan pimpinan. Tidak syak lagi beliau memang mempunyai keupayaan dan kebolehan secukupnya untuk meneruskan perjuangan negara menuju matlamat mencapai taraf negara maju menjelang 2020 nanti sebagaimana digariskan oleh Dr